

## Penerapan Nilai dan Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Singapura

Roksana Bibi Abdullah\*

Asian Languages and Cultures Academic Group, National Institute of Education, Nanyang Technological University, 1 Nanyang Walk, Singapore 637616, Singapore

\*Corresponding author email: [roksana.abdullah@nie.edu.sg](mailto:roksana.abdullah@nie.edu.sg)

### ARTICLE HISTORY

Received: 18<sup>th</sup> September 2025

Revised: 31<sup>st</sup> October 2025

Accepted: 10<sup>th</sup> April 2026

Published: 20<sup>th</sup> April 2026

### Kata Kunci

Kajian dokumen  
Kebudayaan  
Melayu  
Penyemaian Nilai  
Pengajaran Bahasa Melayu

### Keywords:

Document study  
Malay culture  
Values inculcation  
Malay language teaching

**ABSTRAK** - Sistem pendidikan di Singapura telah memberi tumpuan yang besar terhadap penyemaian nilai dan budaya Melayu dalam diri setiap pelajar di Singapura. Usaha menyemai sifat menghargai budaya bangsa ini dilakukan dengan pelbagai cara dan salah satu daripadanya adalah melalui mata pelajaran bahasa Melayu. Dengan berteraskan kepada konsep Arif Budiman, iaitu arah tuju bagi pendidikan bahasa Melayu di Singapura untuk mencapai insan yang berbudi dan berpengetahuan, mata pelajaran bahasa Melayu tidak sahaja tertumpu ke arah aspek tatabahasa dan kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan bahasa, tetapi dirangkumkan juga aspek nilai dan budaya Melayu. Usaha ini adalah bagi melahirkan pelajar yang mahir dalam bahasa dan budaya Melayu dan diharapkan dapat mempraktikkan dan melestari budaya Melayu dalam era yang dilanda tsunami kemodenan. Artikel ini adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan di peringkat darjah satu dan dua di sepuluh buah sekolah rendah bagi enam belas sesi pengajaran di Singapura selama dua tahun. Data yang dikaji diperolehi melalui analisis kajian dokumen dan pemerhatian dalam bilik darjah. Kajian dokumen buku teks dan buku kerja yang dijalankan memaparkan banyak aspek nilai dan budaya yang telah dirangkumkan secara kreatif. Namun, pemerhatian bilik darjah bagi mata pelajaran bahasa Melayu membuktikan para guru lebih tertumpu kepada aspek kebahasaan sementara unsur nilai dan budaya tidak diberikan tumpuan yang sewajarnya. Ini memberi kesan kepada matlamat pengajaran dalam kurikulum bahasa Melayu yang wajar dipertimbangkan secara serius oleh pihak Kementerian Pendidikan.

**ABSTRACT** - The education system in Singapore has placed significant emphasis on the inculcation of Malay values and cultural identity among students. Efforts to foster an appreciation of cultural heritage are undertaken through various avenues, one of which is the teaching of the Malay language as a formal subject. Grounded in the Arif Budiman philosophy, an educational vision aimed at nurturing individuals who are both knowledgeable and morally grounded, the Malay language curriculum extends beyond grammatical competence and linguistic proficiency to encompass the transmission of cultural values and practices. This holistic approach seeks to develop learners who are not only proficient in the Malay language but are also capable of appreciating, practising, and sustaining Malay cultural traditions in an era characterised by rapid modernisation. This article reports on a study conducted at the lower primary level (Primary One and Two) across ten primary schools in Singapore, involving sixteen observed teaching sessions over a two-year period. Data were collected through document analysis and classroom observations. Findings from the analysis of textbooks and workbooks indicate that elements of Malay values and culture have been thoughtfully and creatively integrated into instructional materials. However, classroom observations reveal that teachers tend to prioritise linguistic aspects of instruction, with comparatively limited attention given to the explicit teaching of cultural values. This imbalance has implications for the intended outcomes of the Malay language curriculum and warrants serious consideration by the Ministry of Education.

## PENGENALAN

Hubungan antara bahasa dan budaya sememangnya saling melengkapi dan tidak dapat dipisahkan (Abbaspour et al., 2012; Kramsch, 1993; Wei, 2018). Perkara ini telah banyak dibicarakan oleh sarjana sosiolinguistik dan untuk bahasa Melayu (BM) khususnya, banyak kajian yang telah membuktikan hubungan rapat antara bahasa dengan budaya. BM sering dilihat sebagai cerminan nilai, pemikiran dan budaya masyarakat penuturnya. Budaya asing yang semakin meluas dan mempengaruhi generasi muda telah menimbulkan kesan yang pelbagai dan menimbulkan keprihatinan masyarakat Melayu, khususnya pencinta budaya. Masyarakat Melayu di Singapura sangat prihatin 'budaya asing' yang kian menyelubungi generasi muda bersama-sama peningkatan pengaruh bahasa Inggeris (BI) yang menjadi bahasa yang dominan di Singapura. Usaha menerapkan budaya bangsa dalam diri setiap kanak-kanak ini menjadi satu fenomena yang semakin giat dibincangkan dalam wacana pendidikan bahasa, khususnya dalam konteks masyarakat minoriti Melayu di Singapura yang berhadapan dengan dominasi BI dan pengaruh globalisasi budaya (Abdullah, 1996; Chua & Kuo, 1995). Namun demikian, sejauh manakah penerapan nilai budaya tersebut direalisasikan dalam amalan pedagogi bilik darjah masih belum didokumentasikan secara empirikal.

Di Singapura, usaha melestari bahasa dan budaya (Cina, Melayu dan Tamil) banyak sekali dilakukan oleh pelbagai badan, secara rasmi mahupun tak rasmi, oleh organisasi bukan pemerintah serta juga badan-badan pemerintah. Pelbagai dana yang telah disediakan bagi tujuan ini, contohnya di Singapura seperti dana *Malay Language and Literature Promotion Committee* (MLLPC) yang mendanai pelbagai projek yang berusaha mempromosi serta melestari bahasa dan budaya Melayu (Abdullah, 2008; Tajudin, 2004). Projek-projek pelestarian bahasa dan budaya yang telah diusahakan termasuklah Anugerah Guru Arif Budiman yang didanai MLLPC pada setiap tahun, Bulan Bahasa dan Hadiah Sastera hasil usaha Majlis Bahasa Melayu Singapura dan pelbagai projek lain.

Di samping usaha badan-badan pertubuhan tersebut, satu usaha yang paling kukuh dalam menyemai budaya dalam kalangan generasi muda adalah melalui sistem pendidikan di Singapura. Aspek budaya dan nilai telah diterapkan secara formal dalam sistem pendidikan di Singapura. Hal ini telah diungkapkan dengan jelas oleh Heng Swee Keat, mantan Menteri Pendidikan (2011):

*"In nation building, our education system played a critical role in forging a more cohesive and united society. During the colonial era, people went to schools to be educated in their vernacular language. The language of instruction affected their attitudes and loyalties because each language of instruction was a pathway to a different world of thought and culture (perenggan 13) .... In particular, it was the teachers and school leaders who made a difference. They shaped the values and character of our people. Their care and concern touched many lives...."*

Penerapan bahasa dan budaya melalui sistem pendidikan bahasa inilah yang menjadi tumpuan kajian ini.

## NILAI MORAL, BUDAYA DAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Usaha menyemai nilai-nilai murni dalam diri pelajar telah banyak dilakukan melalui pelbagai wadah dan kaedah. Di Malaysia contohnya, bahan-bahan bacaan menjadi wadah utama bagi menyemai nilai murni sebegini. Kajian Samsuri & Hamzah (2024) contohnya, telah meneroka bahan-bahan bacaan seperti cerpen Air Mata Dalang yang telah dimanfaatkan sebagai medium memelihara nilai-nilai budaya Melayu untuk generasi moden. Bahan-bahan bacaan dalam kesusasteraan Melayu ini dikatakan sebagai mempunyai matlamat khas bagi memastikan usaha penyemaian nilai-nilai murni dapat dilaksanakan, iaitu melalui pemilihan bahan bacaan secara terancang. Menurut pengkaji:

*"Melalui cerpen Air Mata Dalang, kita dapat melihat betapa pentingnya peranan budaya dalam membentuk identiti dan nilai masyarakat Melayu. Cerpen ini tidak hanya menggarap elemen kesenian seperti Wayang Kulit tetapi juga mencerminkan nilai-nilai kekeluargaan, keberanian moral dan ketaatan agama yang mendalam." (Samsuri & Hamzah, 2024, hal. 127)*

Di samping bahan bacaan, aspek penyemaian nilai dan budaya ini juga terserlah dalam penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Dalam kajian Amatol Akrama & Abu Bakar (2013) contohnya, usaha telah dijalankan bagi menilai sejauh manakah iklan-iklan keluaran Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM) menyuntik nilai-nilai murni dalam diri para pelajar. Nilai-nilai murni

yang difokuskan adalah berdasarkan amalan 16 nilai murni yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pengajaran BM. Dapatan kajian ini membuktikan nilai hemah tinggi dan nilai murni menjadi fokus utama dalam iklan-iklan yang dikaji. Menurut pengkaji:

*“Nilai murni mewujudkan rasa sentimen positif yang diperlukan untuk kehidupan masyarakat majmuk yang aman dan harmoni. Nilai murni penting bagi melahirkan masyarakat yang membangun dan bertamadun secara holistik bagi mendokong hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berfikiran kelas pertama dalam pembangunan modal insan.”* (Amatol Akrama & Abu Bakar, 2013, hal. 181)

Usaha dan matlamat yang sama wujud juga di Singapura, di mana tumpuan utama pengajaran BM sebagai wadah penyalur budaya jelas dapat dilihat dalam kenyataan polisi oleh pemerintah:

*“Malay is our national language and important regional language. The learning of Malay is critical for cultural transmission in the community. A sense of identity and the ability to access readily the values, history, literature and the arts of one’s own community are inextricably linked with a facility with one’s own language. The Malay language joins generations. Keeping the language alive is also essential to Singapore multiracial identity.”* (MOE, 2005, hal. 1)

Penyemaian aspek-aspek budaya dan nilai agak terserlah dalam silabus BM. Aspek ini jelas terungkap dalam visi *Arif Budiman* yang merujuk kepada orang yang berpengetahuan yang menyumbang kepada masyarakat atau yang berusaha menjadi orang yang amanah dan berilmu (lihat huraian lanjut pada muka surat 3 dan 4). Maka itu, dapat dikatakan secara khusus pendidikan BM tertumpu kepada pencapaian kemahiran bahasa di samping menghargai nilai dan budaya bangsa. Perkara ini amat terserlah dalam buku-buku teks sekolah. Contohnya dalam buku teks BM bagi darjah 1 (D1), buku teks *Mekar 1B* (Curriculum Planning & Development Division [CPDD], MOE 2008b, hal. 38) aspek nilai tolong menolong dirangkumkan dalam perbincangan bagi konteks di rumah, iaitu bagi aktiviti menggalakkan perkembangan kemahiran lisan.

Memandangkan aspek kesedaran dan menghargai budaya, tradisi dan nilai dirangkumkan dalam bahan-bahan pengajaran BM, bagi konteks Singapura, satu persoalan yang timbul ialah ‘Nilai moral dan elemen budaya manakah yang lebih terserlah dalam pengajaran BM?’ Di samping itu, perkara yang wajar diperhatikan adalah bagaimana nilai-nilai moral dan budaya ini direpresentasikan sebagai satu aspek dalam kurikulum bahasa; dan sejauh manakah pengajaran dalam bilik darjah berjaya menangani hal-hal yang berhubung kait dengan nilai budaya dalam masyarakat Melayu yang hidup di Singapura dalam latar budaya yang beragam.

Walaupun hubung kait bahasa dan budaya dinyatakan dengan jelas dalam polisi, tidak banyak dokumentasi yang wujud bagi menghuraikan cara hal ini dilaksanakan dalam bilik darjah dan kesungguhan usaha para guru dalam merealisasikan matlamat menyemai budaya melalui pengajaran BM. Komiti Semakan Kurikulum dan Pedagogi BM (MLCPRC) menyatakan:

*“The current level of cultural content was found by teachers, parents and students to be adequate. However, a recent major study of classroom practices found that several teachers did not adequately address cultural content in class. What is needed is a different degree of engagement with this content. More open-ended and higher-order thinking classroom activities are needed for students to explore, examine and own elements of their culture.”* (MOE, 2005, hal. 21)

## SILABUS SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA

Sukatan pelajaran bahasa Melayu telah melalui pelbagai perubahan dan semakan. Semakan besar-besaran yang telah dijalankan dalam tahun 2005. Visi utama yang dianjurkan dalam semakan tersebut adalah bagi menyemai nilai ‘*Arif Budiman*’ yang telah teresap dalam sukatan pelajaran BM yang diterbitkan dalam tahun 2008. Visi *Arif Budiman* ini telah diterapkan bagi pengajaran dan pembelajaran BM di semua sekolah nasional di Singapura. Fokus utama yang diutarakan dalam sukatan ini adalah:

- Membina kemahiran bahasa serta mendalami budaya.
- Penekanan yang lebih besar terhadap kelancaran komunikasi lisan dan pembacaan (Ini diharap dapat memperkukuh pemahaman pelajar terhadap bahasa dan kebudayaan Melayu).

- Membina sifat cinta terhadap kejayaan dalam kalangan para pelajar dengan keutuhan dalam BM.
- Melahirkan pengajaran BM yang berkesan, dengan kelengkapan pedagogi bagi pembelajaran berbeza untuk disesuaikan dengan para pelajar BM yang mempunyai latar belakang pengetahuan dan keupayaan yang rencam.

Secara keseluruhan, dalam huraian sukatan pelajaran BM bagi sekolah rendah di Singapura, di samping aspek sistem bahasa yang merangkumi tatabahasa, (morfologi, sintaksis, kosa kata, sebutan dan intonasi, ejaan, aspek tanda baca dan peribahasa), pihak kementerian telah menyatakan dengan jelas rangkuman aspek nilai dan budaya Melayu.

Penyerapan nilai murni dan budaya dalam pendidikan seperti yang telah dihuraikan, adalah untuk melahirkan insan yang berhemah tinggi. Pendidikan ini merangkumi nilai-nilai murni, budaya masyarakat Melayu dan merangkumi juga hasrat Pendidikan Nasional dan hasil pendidikan yang diinginkan. Penyerapan kesemua aspek ini diharapkan dapat membantu murid mengenali, memahami serta menghayati nilai dan budaya masyarakat Melayu, sekali gus, mengenali juga budaya masyarakat lain dalam konteks masyarakat majmuk Singapura. Pemahaman dan kesedaran tentang kedua-dua aspek yang disasarkan ini harus dilaksanakan secara terancang. (Kementerian Pelajaran Singapura, 2008).

Penyerapan nilai perlu dilaksanakan pada semua peringkat bagi memenuhi visi pendidikan bahasa, membina kefasihan berbahasa Melayu dan penghayatan budaya. Ini merangkumi 16 nilai yang dipilih. Pengajaran secara terancang dan sedar perlu dilaksanakan berdasarkan domain pembelajaran murid. Contohnya, guru mengajar nilai berbudi bahasa, pada akhir peringkat darjah dua, murid perlu tahu tentang maksud sebenar berbudi bahasa dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Murid perlu menggunakan bahasa yang sopan semasa bertutur dengan teman-teman, ibu bapa dan keluarga. Di peringkat darjah 4, nilai yang sama perlu diterapkan dalam domain yang lebih besar, iaitu dalam masyarakat. Contohnya, murid mengamalkan budi bahasa apabila berhubungan dengan jiran-jirannya. Di peringkat darjah 6, nilai berbudi bahasa ini perlu diterapkan dalam domain yang lebih umum seperti dengan anggota masyarakat kaum-kaum lain dan orang asing untuk mempamerkan tingginya nilai murni masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat Singapura umumnya. Nilai murni teras yang dikenal pasti oleh pihak penggubal polisi BM adalah seperti berikut (Kementerian Pendidikan (2007, hal. 15):

- a) Amanah/jujur
- b) Baik hati
- c) Berdikari
- d) Budi bahasa/hemah tinggi
- e) Kesediaan untuk menerima/Menghargai sesuatu (Cth idea, pandangan pemberian)
- f) Hidup bermasyarakat
- g) Hormat-menghormati
- h) Jimat cermat
- i) Kasih sayang
- j) Keadilan
- k) Kerja keras/kegigihan
- l) Kesabaran
- m) Kesediaan untuk meneroka/mencuba
- n) Kesetiaan
- o) Tolong menolong/bekerjasama
- p) Sikap Tanggungjawab

Di samping 16 nilai tersebut, Pendidikan Nasional menggariskan enam perutusan seperti yang berikut dalam silabus pendidikan nasional. Jelas bahawa pendidikan nasional berkait rapat dengan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam silabus pengajaran BM. Kenyataan di bawah jelas menunjukkan perutusan dalam pendidikan nasional selari dengan objektif dan misi pengajaran BM (MOE (2007, hal. 15):

- a) Singapura adalah tanahair kita; di sini tempat kita  
*Kita mahu mengekalkan warsian dan cara hidup kita.*

- b) Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama.  
*Walaupun kita terdiri daripada berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya, kita mempunyai nasib yang sama.*
- c) Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat Amanah  
*Ini bermakna peluang bagi semua, mengikut kebolehan dan usaha mereka.*
- d) Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura  
*Kita mesti mencari jalan sendiri untuk bertahan dan mencapai kemakmuran.*
- e) Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura.  
*Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan kita.*
- f) Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita.  
*Dengan bersatu, berazam dan bersedia, kita akan membina masa depan yang cerah bagi kita sendiri.*

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berdasarkan pembelajaran primari rendah (lower primary) iaitu darjah 1 dan darjah 2, bagi mengkaji pengajaran bahasa di sekolah dan usaha guru dalam penyemaian nilai moral dan budaya. Sekolah-sekolah di Singapura terbahagi kepada 4 zon, iaitu zon utara, selatan, timur dan barat. Sepuluh buah sekolah daripada ke empat-empat zon telah bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Penyelidikan ini terbahagi kepada dua komponen, iaitu kajian dokumen yang meninjau silabus 2008 dan bahan-bahan mengajar (buku teks dan buku kerja yang diwajibkan); serta juga pemerhatian bilik darjah yang terancang. (Abdullah 2010, 2011). Kesemua pemerhatian bilik darjah dirakam secara audio dan video dan bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh guru juga dimanfaatkan bagi kajian. Pengekodan secara sistematik telah dilakukan bagi kesemua pemerhatian pengajaran yang telah dirakam. Skema pengekodan telah dibina bagi projek kajian ini (silver et al. 2010) dan secara ringkas, skema pengekodan menekankan:

- Pola penglibatan dalam bilik darjah (contohnya, pengajaran berpusatkan guru, tugasan individu, pasangan atau kumpulan)
- Aturan kedudukan secara fizikal (para pelajar duduk dalam barisan, duduk di lantai atau dalam kumpulan)
- Aktiviti-aktiviti dalam kelas (latih tubi, bacaan beramai-ramai, perbincangan kelas)
- Fokus kepada subkemahiran bahasa (mendengar, menulis, tatabahasa)
- Penilaian berterusan bagi pembelajaran (hasil tugasan pelajar, dokumentasi pembelajaran)

Pengekodan dilakukan oleh dua orang pembantu penyelidikan bagi setiap rakaman dan jika wujud percanggahan antara mereka, perbincangan dijalankan bagi menentukan pengekodan yang paling munasabah atau tepat. Di samping itu, pengajaran guru yang dirakam telah ditranskripsikan dan digunakan sebagai bahan tambahan bagi meningkatkan kesahihan pengekodan yang dilakukan. Melalui penglibatan pembantu penyelidikan yang juga berbangsa Melayu dan mengamalkan bahasa dan budaya Melayu, perbincangan telah dijalankan bagi memastikan setiap tafsiran yang disimpulkan itu dipersetujui bagi memastikan tidak wujud unsur berat sebelah dalam dapatan kajian.

## KAJIAN DOKUMEN

Bagi kajian dokumen, buku teks Mekar 1A, 1B, 2A dan 2B dan buku-buku kerja bagi peringkat yang sama telah dianalisis bagi mencungkil elemen nilai moral dan kebudayaan yang dirangkumkan. Kajian dokumen ini memanfaatkan analisis kandungan (content analysis) yang boleh dihuraikan secara umum sebagai "the systemic, objective, quantitative analysis of message characteristics" (Neuendorf, 2002, hal. 1). Ini merangkumi pemeriksaan yang teliti keseluruhan buku teks dan buku kerja bagi darjah 1 dan darjah 2 bagi rujukan eksplisit dan implisit tentang nilai-nilai yang telah dinyatakan dalam Jadual 1 dan 2. Setiap muka surat dalam bahan-bahan pengajaran telah dikaji dan kesemua nilai-nilai teras yang dijumpai telah dianotasi.

Tahap awal analisis bahan-bahan pengajaran, nampaknya tidak wujud huraian terperinci tentang kebudayaan Melayu dan tidak ada saranan-saranan bagi komponen-komponen yang berhubung kait dengan budaya yang wajib ditekankan dalam bilik darjah. Maka itu, sewaktu penganalisan data dilakukan, pengkaji telah memanfaatkan maklumat dan pengetahuan sedia ada pengkaji sebagai seorang yang beragama Islam dan sebagai penutur natif BM serta pengalaman mengajar BM melebihi 20 tahun. Di samping itu, rujukan-rujukan ilmiah terhadap amalan dan budaya Melayu dilakukan bagi memastikan ketepatan interpretasi pengkaji sebelum rumusan yang munasabah dilakukan. Walaupun silabus sekolah bercorak sekular yang tidak berorientasikan kepada mana-mana agama mahupun amalan agama, pengkaji sebagai pengamal agama Islam dapat memanfaatkan pengetahuan sedia ada bagi mengenalpasti elemen-elemen implisit budaya Melayu yang ada hubung kait dengan sistem nilai dan tradisi agama. Dalam perbincangan dapatan kajian, jelas bahawa walaupun agama dan budaya diletakkan sebagai dua konsep yang berbeza, dalam konteks Singapura, kebanyakan amalan budaya yang dianggap budaya Melayu itu sebenarnya merupakan pengajaran asas dalam agama Islam.

Secara keseluruhan, dapat dikatakan bahawa analisis kajian ini banyak bergantung kepada dua sumber utama. Sumber pertama ialah analisis kandungan dokumen dan sumber kedua merupakan interpretasi pengkaji yang bersandarkan kepada bahan-bahan rujukan ilmiah terhadap elemen-elemen yang mewakili budaya Melayu dan nilai moral. Ini merangkumi contohnya aspek pakaian, makanan, permainan, aktiviti-aktiviti harian serta budi bahasa yang dipaparkan melalui teks dan imejan-imejan secara eksplisit mahupun implisit.

Elemen-elemen ini dianalisis melalui kitaran iterative yang awalnya mengenal pasti komponen-komponen yang jelas yang berhubung kait dengan budaya Melayu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman pengkaji, contohnya pakaian tradisional Melayu. Selanjutnya, penelitian dilakukan bagi menentukan sama ada wujud pernyataan secara eksplisit bagi aspek nilai seperti nilai peribadi atau masyarakat dalam bentuk objek, atau pernyataan implisit bagi nilai tersebut atau komponen tersebut tidak dibincangkan dengan nyata. (Saldana, 2009, hal. 89-90).

Dalam buku Mekar 2B contohnya, (MOE, 2008c, hal. 54), terdapat gambar sebuah keluarga yang merangkumi datuk dan nenek yang duduk di atas sofa dan seorang kanak-kanak lelaki yang sedang mencium tangan datuk tersebut. Tidak ada sebarang maklumat secara eksplisit bagi menyatakan bahawa perbuatan itu sebagai satu cara menunjukkan rasa hormat atau kasih sayang terhadap orang tua, tetapi secara implisit mesej yang cuba dipaparkan adalah bagaimana kanak-kanak lelaki tersebut melutut di atas lantai dan bukannya duduk di atas sofa apabila mencium tangan datuknya. Berdasarkan pengalaman budaya pengkaji, imej tersebut dapat ditafsirkan sebagai respresentasi nilai hormat dan budi bahasa yang menjadi sebahagian daripada sistem budaya Melayu. Satu lagi contoh dapat dilihat dalam halaman 43, iaitu terdapat seorang kanak-kanak perempuan yang duduk di atas lantai sambil bermain congkak. Walaupun tiada rujukan diberikan kepada imej tersebut, pengkaji telah mengenalpasti artefak tersebut sebagai terangkum dalam budaya Melayu berdasarkan perspektif seorang yang mengamalkan budaya Melayu.

Setelah buku-buku teks dianotasi berdasarkan bukti-bukti eksplisit dan implisit, bagi aspek nilai dan budaya, tahap kedua bagi penganalisan data adalah menyemak semula semua anotasi bagi merangkumkan fitur-fitur yang tertinggal dan fitur-fitur yang mungkin boleh menimbulkan persoalan diketepikan. Anotasi akhir dilakukan bagi menentukan sama ada informasi bagi fitur-fitur nilai dan budaya yang telah dinukil daripada buku-buku teks itu merangkumkan huraian yang jelas atau tidak serta kekerapannya. Walaupun kekerapan tidak boleh dijadikan satu kayu ukur tentang kepentingannya, maklumat ini dapat memaparkan keutamaan yang diberikan kepada unsur-unsur tertentu. Contohnya, buku-buku teks tidak pernah mengajar para pelajar cara untuk menggarap pantun, namun pantun digunakan dengan begitu kerap bagi membina kemahiran dan pengajaran nilai dan budaya.

Perkara yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah (a) aspek nilai dan budaya yang terpilih untuk dipaparkan dalam buku-buku teks dan (b) cara unsur-unsur itu dipaparkan. Di samping itu, tumpuan diberikan juga bagi menilai sama ada topik-topik yang berhubung kait dengan nilai dan budaya ini dibicarakan secara implisit atau eksplisit, atau guru hanya merujuk kepada aspek linguistik sahaja (contohnya kosakata) atau mereka sedar akan kaitan budayanya. Satu lagi kemungkinan adalah sama ada guru-guru cuba mencungkil pengalaman atau pengetahuan pelajar apabila perbincangan dalam kelas tentang hal-hal yang berhubung kait dengan sistem nilai serta budaya wujud dalam kelas, sebagai usaha melibatkan para pelajar sepenuhnya dalam pelajaran yang dijalankan. Dengan fokus yang sedemikian, tahap ketiga analisis kajian ini tertumpu bagi menilai semula anotasi bagi melihat bagaimana nilai-nilai teras dan lain-lain fitur budaya dirangkumkan dalam konteks bahan pengajaran dan dalam pengajaran di bilik darjah. Ini akan membawa kepada pemerhatian pengajaran sebenar dalam bilik darjah.

## ANALISIS PEMERHATIAN DALAM BILIK DARJAH

Pemerhatian dalam bilik darjah dilakukan bagi meninjau dengan lebih jelas cara unsur-unsur yang berhubung kait dengan budaya dalam silabus dan buku-buku teks dirangkumkan dalam penyampaian pengajaran. Data pemerhatian pengajaran diperolehi daripada 16 pengajaran BM yang melibatkan sepuluh buah sekolah pada peringkat darjah satu dan dua; iaitu satu atau dua pengajaran bagi setiap sekolah yang terlibat menjadikan lapan pengajaran bagi darjah satu dan lapan bagi darjah dua. Kesemua pengajaran ini dijalankan dalam penggal yang sama, iaitu selepas silabus baru diperkenalkan bersamaan buku-buku teks yang baru.

Pengajaran yang dipantau itu dirakam dan dikodifikasi berdasarkan skema kodifikasi yang menghuraikan pengajaran bahasa di sekolah-sekolah rendah di Singapura yang seiringan dengan inisiatif-inisiatif polisi yang baru (Silver et al., 2010). Walaupun skema kodifikasi dapat menghuraikan perkara-perkara asas seperti aktiviti-aktiviti yang dijalankan, pola penglibatan pelajar serta bahan-bahan yang dimanfaatkan dalam pengajaran, hal-hal seperti komponen kebudayaan bagi melihat cara nilai-nilai moral dan budaya disuntik dalam pengajaran BM tidak dapat disingkap. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, transkripsi bagi setiap pengajaran dilakukan bagi mencungkil nilai-nilai teras yang dipaparkan dalam Jadual 1 dan 2 agar cara nilai-nilai serta elemen budaya diserapkan dalam pengajaran BM dapat disingkap. Video-video pengajaran juga ditonton dengan penyemakan yang teliti bagi tujuan yang sama. Di samping nilai-nilai yang telah dihuraikan, pengkaji juga telah berjaya mengenal pasti beberapa elemen budaya yang lain yang relevan berdasarkan pengetahuan pengkaji sebagai anggota komuniti Melayu.

Secara keseluruhan, dapat dikatakan bahawa kajian dokumen dan pemerhatian bilik darjah berjaya memberikan maklumat bagaimana budaya dan nilai-nilai moral dirangkumkan dalam pengajaran BM dan elemen-elemen yang mana diutamakan berdasarkan kekerapan penyampaiannya dan tahap eksplisit huraiannya dalam pengajaran.

## UNSUR-UNSUR NILAI DAN BUDAYA DALAM BUKU TEKS

Berpandukan kepada hasil semakan dan sukatan pelajaran berkenaan, satu set buku teks dan buku kerja bagi darjah 1 sehingga darjah 6, iaitu Mekar telah diterbitkan dalam tahun 2008. Untuk kajian ini, buku-buku Teks 1A, 1B, 2A dan 2B telah dianalisis bagi mencungkil unsur-unsur nilai dan budaya Melayu yang terangkum di dalamnya. Komponen budaya dan nilai-nilai moral yang terangkum dalam bahan-bahan pengajaran berserta beberapa nukilan akan dihuraikan terlebih dahulu sebelum perbincangan tentang elemen-elemen budaya tambahan yang ditemui dilakukan. Selanjutnya dapatan-dapatan hasil pemerhatian bilik darjah akan dihuraikan.

## ELEMEN-ELEMEN NILAI DALAM BUKU TEKS

Bagi menjawab soalan nilai-nilai teras apakah yang dirangkumkan dalam pengajaran, kajian dokumen membuktikan bahawa 8 daripada 16 nilai teras wujud dalam buku teks darjah 1 dan 2. Nilai-nilai tersebut adalah:

Bersikap baik hati	Berbudi bahasa/ berhemah
Hormat-menghormati	Berjimat cermat
Berkasih sayang	Bekerja keras/ gigih
Tolong menolong/bekerjasama	Bertanggungjawab

Nilai-nilai teras yang lain yang tidak terangkum dalam buku teks darjah satu dan dua adalah:

Amanah jujur	Berdikari
Kesediaan menerima/menghargai sesuatu	Hidup bermasyarakat
Bersikap adil	Bersabar
Kesediaan untuk meneroka	Kesetiaan

Contoh-contoh tentang bagaimana nilai-nilai teras ini dipaparkan dalam bahan-bahan pengajaran diberikan di bawah ini. Sebagai tambahan kepada lapan nilai teras dalam silabus, satu lagi nilai yang wujud adalah aspek kebersihan. Nilai ini juga akan dijelaskan di bawah:

## **SIKAP BAIK HATI**

Dalam buku Mekar 1B (CPDD2008b, hal. 37), terdapat sebuah kisah tentang watak Syahirah yang membantu neneknya menyediakan salad buah-buahan untuk jualan amal. Wang yang diperolehi hasil jualan akan didermakan kepada rumah orang-orang tua Mesra. Melalui cerita ini, jelas perbuatan menyumbang derma, mengasahi dan membantu mereka yang kurang bernasib baik merupakan sikap seseorang yang baik hati, dan dihargai, walaupun nilai ini tidak dinyatakan secara eksplisit dalam cerita tersebut.

## **BERBUDI BAHASA / BERHEMAH**

Aspek berbudi bahasa ini merangkumi penggunaan sistem panggilan yang tepat berdasarkan status dan umur interlocutor. Contohnya, anggota keluarga mempunyai sistem panggilan yang berbeza berdasarkan umur: seperti adik, kakak dan abang. Di samping itu, dalam buku teks 2A, (hal. 4), terdapat penggunaan sistem panggilan, iaitu Mak Long dan Pak Ngah. Bentuk panggilan yang lain juga digunakan bagi menunjukkan sikap berbudi bahasa kepada mereka yang bukan merupakan anggota keluarga. Contohnya, orang-orang yang tiada hubungan kekeluargaan juga disapa dengan panggilan makcik, pakcik, datuk dan nenek. Bentuk-bentuk panggilan ini digunakan dan diajarkan secara eksplisit dalam buku Mekar 1A (hal. 48) dan 1B (hal. 25).

## **HORMAT MENGHORMATI**

Nilai murni bagi menghormati orang-orang sekeliling juga diberi penekanan dalam bahan-bahan pengajaran BM. Terdapat beberapa contoh seperti dalam buku Teks 1A, pada halaman 64, terdapat gambar seorang anak sedang bersalaman dengan mencium tangan ibunya, dengan menggunakan kedua-dua belah tangannya. Begitu juga dengan mesej dalam buku teks 2B, pada halaman 26 dan 27, terdapat paparan adab budaya Melayu, di mana terdapat gambar wanita bertudung dan seorang anak berbaju Melayu dan berkain samping sedang bersalaman dan mencium tangan ibunya.

Menghormati jiran tetangga juga terangkum dalam buku Teks Mekar 1B, contohnya, pada halaman 87, pesanan bagi menghormati jiran tetangga, seperti sifat menegur jiran dan memberi ucapan hormat kepada rakan dan jiran sewaktu berjumpa dipaparkan dengan jelas.

Selanjutnya, nilai ini telah diperkukuh melalui puisi seperti yang terdapat di bawah ini:

Kuning, merah, hijau dan biru  
Kita harus hormat guru.

Jingga, ungu, kelabu dan coklat  
Nasihat guru harus diingat.

(CPDD, 2008a, hal. 27)

## **BERJIMAT CERMAT**

Amalan menabung dan sifat berjimat merupakan satu lagi aspek nilai yang telah disemai melalui pengajaran BM. Nilai-nilai ini disampaikan melalui pantun di bawah (CPDD, 2008b, hal. 75-76):

Pantun Duit Belanja  
Duit diberikan untuk belanja  
Ada baki ditabung semua  
Jika berbelanja berpada-pada  
Yang mahal yang murah harus dikira.

Duit diberikan untuk berbelanja  
Ada baki ditabung semua.  
Gunalah tabung menyimpan duit  
Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

Duit diberikan untuk berbelanja  
Ada baki ditabung semua  
Jimat cermat ketika berbelanja

Amalan baik ikutan semua.

Saranan lanjutan bagi pengajaran ini adalah aktiviti membuat tabung untuk menyimpan wang yang berbentuk kereta dengan menggunakan kotak tisu.

### **BERKASIH SAYANG**

Amalan kasih mengasihi antara ahli keluarga khususnya juga telah diberi fokus utama dalam pengajaran BM. Dalam buku Teks 2B contohnya, terdapat gambar seorang datuk dan seorang nenek sedang memeluk cucu-cucu mereka, dan disertakan dengan pantun berikut:

Kecil molek si burung merpati,  
Tidaklah sama dengan si angsa;  
Datuk dan nenek harus dihormati,  
Kelak bahagia sepanjang masa.

Mengayuh kolek sampai ke Changi,  
Singgah di tepi mencari makan;  
Datuk dan nenek kita sayangi,  
Harus selalu berikan dakapan

Buah betik, buah berangan,  
Disimpan bersama sebiji kelapa;  
Datuk dan nenek jangan lupakan,  
Pasti gembira apabila berjumpa.

(CPDD, 2008d, hal. 43)

Bagi ibu dan ayah juga, terdapat mesej dalam buku teks 2B. Mesej menghargai ibu dan ayah yang menjaga dan merawat anak, jelas dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Ibu melahirkan saya. Ibu menjaga saya sejak kecil lagi. Jika saya sakit, ibulah yang merawat saya. Ayah juga menjaga saya. Saya sayang ibu dan ayah. (CPDD, 2008d, hal. 76)

### **BEKERJA KERAS / GIGIH**

Sifat rajin berusaha juga telah cuba disemai melalui pengajaran BM. Nasihat yang mengandungi mesej sifat rajin berusaha tanpa mengenali erti penat telah terakam dalam buku teks 2A, (hal. 90). Mesej ini disampaikan melalui sebuah cerita bagi menyemai nilai moral atau budaya rajin bekerja. Mesej ini disampaikan secara implisit, iaitu melalui cerita Sang Semut yang rajin bekerja mengumpul makanan sebelum musim hujan tiba. Namun Sang Belalang pula asyik menyanyi dan menari. Apabila musim hujan tiba, Belalang yang kesejukan dan tiada makanan telah dibantu oleh Sang Semut dan rakan-rakannya. Di samping itu, mesej ini diperkukuh iaitu dalam bentuk pantun dua kerat di bawah ini:

Jika kita mahu berjaya  
Jangan lekas berputus asa

Kita perlu rajin berlatih  
Mesti tahan penat dan letih

Usah asyik berangan-angan  
Tekun dan gigih menjadi pegangan.

Kita harus kuatkan semangat,  
Agar badan sihat dan kuat.

(CPDD, 2008c, hal. 68)

## TOLONG MENOLONG

Sifat tolong menolong ini merupakan nilai yang paling ditekankan dan disampaikan melalui pelbagai cara dalam kedua-dua buku teks darjah satu dan dua. Contohnya, nilai ini disampaikan secara implisit melalui cerita-cerita, dengan memilih haiwan sebagai watak utamanya. Dalam buku Teks 1B contohnya, terdapat cerita burung membantu semut yang hampir lemas dan akhirnya semut membalas jasa burung apabila pemburu ingin menembaknya. Mesej pada bahagian akhir muka surat tersebut ialah:

*“Mengapakah kita perlu tolong menolong antara satu sama lain?”* (CPDD, 2008c, hal. 4)

Di samping itu, dalam buku teks yang sama, terdapat gambar seorang kanak-kanak (Zainal) yang luka kerana terjatuh dan terdapat dialog “Jangan menangis. Kami akan tolong awak.” Apa yang menarik di sini ialah dialog tersebut bukan sahaja cuba menenangkan kanak-kanak tersebut serta memberikan bantuan, namun wujud mesej yang jelas bagi sifat tolong menolong. Dalam halaman berikutnya, pelajar yang bernama Dewi menghantar Zainal ke bilik rehat, Amin membawa beg Zainal, sementara Kumari memanggil Cikgu Fatimah. (CPDD, 2008b, hal. 12-13). Aktiviti yang terangkum dalam bahagian tersebut ialah perbincangan pengalaman pelajar dalam kelas melalui soalan “Pernahkah kamu membantu kawan sekelas kamu? Apakah yang kamu lakukan? Ceritakan kepada pasangan kamu” (CPDD, 2008b, hal. 13).

Di samping itu, dalam buku teks 1A pada halaman 32 dan 33, terdapat aktiviti bergotong royong dalam kalangan ahli keluarga sewaktu mereka berpindah rumah. Terdapat aktiviti kerjasama antara ahli keluarga seperti mengemas rumah, mengangkat barang dan sebagainya.

Nilai yang sama dikukuhkan lagi dalam buku teks darjah 2 dengan beberapa lagi kisah bagi menyemai sifat murni ini. Dalam buku teks darjah 2 (CPDD, 2008c) contohnya, terdapat cerita keluarga Melayu yang melawat rakan mereka (Pakcik John di hospital) dan perbualan seorang ibu menggalakkan anak-anaknya Johan dan Sofiah agar membantu keluarga Pakcik John dengan cara menjaga dan menyiram pokok bunga mereka. Dalam halaman berikutnya pula, terdapat gambar-gambar yang memaparkan pelbagai cara untuk jiran-jiran membantu sesama sendiri.

Terdapat beberapa lagi kisah yang dipaparkan dalam buku-buku teks darjah 1 dan 2 seperti membantu kanak-kanak yang sedang menangis sebab tidak tahu di mana bilik darjahnya. Seorang pelajar yang lebih dewasa membaca tag nama dan membantu menghantarnya ke bilik darah yang betul dan pelajar darjah satu itu mengucapkan “Terima kasih kakak.” Di samping nilai bantu membantu, panggilan ‘kakak’ juga memaparkan sifat hormat terhadap individu lain dengan panggilan tersebut walaupun mereka tiada pertalian darah. Nilai-nilai sedemikian menjadi satu pengajaran yang diharapkan dapat dicontohi oleh para pelajar. Di samping kisah-kisah yang dipaparkan itu, nilai atau sifat tolong menolong telah juga dipaparkan dalam buku teks 1A (hal. 61) melalui lagu bantu membantu dan senikatanya adalah seperti berikut:

Hari ini hari minggu  
Ayuh kita menolong ibu  
Kakak rajin melipat baju  
Ayah pula menggosok baju

Kami juga suka membantu  
Menyapu lantai mengelap pintu  
Mengemas rumah amatlah perlu  
Agar rumah bersih selalu.

(CPDD, 2008a, hal. 61)

Lagu dalam bentuk pantun ini disertakan dengan gambar-gambar ahli keluarga seperti ayah dan anak-anak yang melakukan kerja-kerja rumah.

## SIFAT BERTANGGUNGJAWAB

Dalam Mekar 1B (2008b, hal. 26 – 27), terdapat gambar dua orang kanak-kanak yang bernama Amir dan Ani yang terpisah daripada ibu bapa mereka. Dua orang yang tidak dikenali cuba memberikan mereka coklat. Kedua-dua kanak-kanak tersebut menolaknya. Dalam muka surat selanjutnya, terdapat monolog oleh Ani yang berbunyi “Saya harus menjaga adik saya, Amir. Saya harus memastikan kami berdua selamat.” Dapat dilihat di sini mesej yang cuba disampaikan bukan sahaja menanam sifat

waspada terhadap orang-orang yang tidak dikenali tetapi juga penekanan bagi sikap tanggungjawab terhadap orang lain.

## **ELEMEN-ELEMEN BUDAYA DALAM BUKU TEKS**

Di samping aspek nilai yang diuraikan di atas, pelbagai elemen budaya dipaparkan dalam bahan-bahan pengajaran. Aspek nilai boleh menjadi sesuatu yang agak generik atau umum dan merupakan aspek yang dikongsi dalam kalangan pelbagai bangsa dan agama seperti hormat menghormati, bantu membantu dan sebagainya; namun aspek budaya merupakan sesuatu yang khusus bagi kelompok bangsa tertentu yang boleh membezakan mereka daripada kelompok-kelompok etnik yang lain (Alisjahbana, 1966, hal. 110). Tambahan pula, elemen-elemen budaya merupakan unsur-unsur yang tidak terangkum dalam aspek penerapan nilai dalam silabus, tetapi dijumpai melalui kajian dokumen. Elemen-elemen ini termasuklah aspek pakaian, permainan, percutian dan lain-lain.

Elemen budaya yang paling banyak dipaparkan adalah pakaian masyarakat Melayu dalam latar yang pelbagai. Hampir kesemua watak wanita dan lelaki dalam bahan-bahan yang dikaji mengenakan pakaian tradisional, bersama selendang untuk wanita dan songkok bagi lelaki, walaupun tidak semua masyarakat Melayu mengenakan pakaian sedemikian dalam kehidupan seharian. Jenis pakaian sedemikian terkait rapat dengan agama Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Ciri-ciri tambahan seperti solat Jumaat, juga terangkum dalam bahan-bahan yang dikaji. Walaupun aspek agama tidak dirangkumkan dalam silabus pendidikan sekular, ciri-ciri agama masih terdapat dalam buku-buku teks sebagai elemen budaya. Perkara ini berlaku kerana aspek nilai dan budaya Melayu terjalin erat kaitannya dengan agama Islam, agama dominan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu.

Berdasarkan kajian dokumen, wujud andaian bahawa masyarakat Melayu bersinonim dengan agama Islam. Contohnya dalam Mekar 1B (CPDD, 2008b, hal. 14), dalam perbincangan hal-hal seharian, gambar latar merupakan sebuah masjid dan dua orang pelajar yang menggunakan songkok dan baju tradisional Melayu berjalan untuk solat Jumaat. Elemen-elemen lain bagi aspek budaya yang dipaparkan dalam buku teks merangkumi:

### **ASPEK PAKAIAN**

Secara keseluruhan, hampir kesemua gambar wanita Melayu dalam buku teks darjah satu dan dua yang mendukung watak guru, ibu atau nenek dipaparkan sebagai wanita yang menggunakan baju kurung dan berhijab. Imej wanita Melayu kini lebih rapat dikaitkan sebagai beragama Islam dan mengenakan pakaian yang menutup aurat sebagai satu norma dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pakaian formal raja-raja Melayu juga wujud dalam buku teks, contohnya dalam buku Teks 2B, di mana pada halaman 20-21, terdapat kisah Putera Mansur yang memakai baju Melayu serta kain samping dan tanjak. Tok Guru Molek pula menggunakan kain pelikat dan berkopiah.

### **ALAT PERMAINAN TRADISIONAL**

Selain daripada pakaian tradisional, elemen tradisi yang lain juga terangkum dalam bahan-bahan pengajaran yang dikaji. Ini merangkumi permainan-permainan tradisional yang wujud dalam budaya Melayu. Dalam buku teks 1A dan juga 1B, terdapat gambar gasing dan juga gambar kanak-kanak sedang bermain congkak. Walaupun tiada huraian lanjut mengenai cara permainan, gambar-gambar tersebut sebenarnya boleh menjadi bahan bagi para guru memperkenalkan alat-alat permainan tersebut. Namun satu perkara menarik yang dapat dicungkil adalah penggunaan gambar congkak untuk mengajar suku kata 'kak' bagi perkataan 'kakak' (CPDD, 2008a, hal. 78). Penggunaan gambar congkak ini memerlukan guru menerangkan sedikit tentang permainan tradisi tersebut walaupun tiada huraian tentang permainan tersebut dalam buku teks.

### **ADAT PERKAHWINAN**

Adat istiadat Melayu juga telah diperkenalkan secara ringkas dalam buku teks darjah 2. Dalam buku Teks 2B contohnya, terdapat gambar seorang wanita bertudung dan seorang kanak-kanak lelaki berbaju Melayu dan berkain samping berdiri berdekatan dengan sebuah katil yang dipenuhi barang-barang hantaran perkahwinan, lengkap dihiasi dengan bunga-bunga. (CPDD, 2008d, hal. 41). Pada halaman selanjutnya pula, terdapat gambar bunga manggar dan sebiji nenas serta arahan "Bunga manggar harus dicucukkan pada sebiji nenas" serta gambar bunga telur yang telah dicucukkan dalam sebuah bekas. Terdapat juga informasi "Bunga telur akan diberikan kepada para tetamu." Bagi masyarakat Melayu, ini jelas merupakan majlis perkahwinan tradisional, kerana budaya ini sudah agak

kurang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang moden. Masyarakat Melayu di Singapura kini lebih kerap mengamalkan perayaan yang lebih ringkas dan agak mirip dengan budaya barat, namun buku teks telah memaparkan adat budaya tradisional dengan jelas.

### **BUDAYA KUNJUNG MENGUNJUNG DAN MEMBAWA BUAH TANGAN**

Budaya membawa buah tangan sewaktu melawat seseorang juga telah dirangkumkan dalam buku Teks 2A, (CPDD,2008c, hal. 12). Aspek ini dipaparkan dalam kisah Siti yang menghadiri majlis barbeku rakannya dengan membawa sedikit buah tangan (agar-agar). Di samping itu, dalam buku teks yang sama, terdapat kisah adik lebah yang terluka, dan dibantu oleh kakak lebah, dan dilawati oleh haiwan-haiwan lain dengan membawa hadiah (CPDD, 2008c. hal. 37-39). Di sini terangkum mesej yang tersirat untuk bantu membantu dan membawa buah tangan untuk melawat yang sakit.

Informasi dan tatacara hidup berjiran juga terangkum dalam bahan-bahan yang dikaji. Contohnya dalam buku teks 2B, terdapat kisah lawatan jiran-jiran ke rumah makcik Rukiah yang baru sahaja melahirkan anak dengan membawa buah tangan untuk bayi yang baru lahir. Para tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah. Terdapat gambar lima orang lelaki yang duduk bersila di atas lantai menghadap antara satu sama lain dan kain safa terbentang di hadapan mereka dan pelbagai juadah diletakkan di atasnya. Budaya duduk di atas lantai sambil bersila menikmati juadah yang dihidangkan merupakan budaya tradisional masyarakat Islam umumnya dan masyarakat Melayu khususnya. Dalam buku Mekar 2A, halaman 76-79 pula, terangkum kisah Encik Raju dan isterinya yang melawat Encik Ramli. Di sini dialog diperkenalkan bagi mengajar ujaran-ujaran yang boleh digunakan apabila melawat rakan dan jiran, di samping tatalaku yang wajib dipatuhi sewaktu melawat mereka. Kebiasaan membawa buah tangan dalam bentuk barangan atau juadah juga terangkum kerana ini merupakan adat kebiasaan yang unik dalam kalangan masyarakat Melayu.

### **PERAYAAN MENYAMBUT HARI RAYA**

Sambutan hari raya juga merupakan satu topik yang berkait rapat dengan agama dan budaya yang telah dirangkumkan dalam buku-buku teks yang dikaji. Sambutan Hari raya dijelaskan melalui pantun dengan tiga keping gambar (CPDD, 2008b, hal. 56). Gambar pertama memperlihatkan pakaian tradisional Melayu, lelaki dan wanita. Gambar kedua pula ialah gambar keluarga menikmati juadah di meja makan. Gambar ketiga memaparkan seorang kanak-kanak Melayu menjamu kawan-kawannya yang berbangsa asing menikmati makanan tradisional Melayu, khususnya ketupat. Maklumat lain mengenai persiapan hari raya juga terdapat dalam buku Mekar 2B, halaman 57 yang menunjukkan gambar-gambar tiga orang wanita bertudung sedang mengayam ketupat dan memasak di dapur, serta soalan seorang watak kanak-kanak yang bertanyakan cara menganyam ketupat. Maklumat dan gambar-gambar yang terdapat bagi perayaan ini dapat dikaitkan dengan nilai yang terdapat dalam silabus bahasa Melayu iaitu berani mencuba dan meneroka perkara-perkara baru. Gambar-gambar yang dirangkumkan dalam bahagian ini juga memaparkan jenis-jenis makanan yang dihidangkan oleh keluarga Melayu sewaktu sambutan hari raya serta kepelbagaian jenis pakaian oleh orang-orang Islam di negara-negara lain. Maklumat perayaan ini diserikan lagi dengan beberapa rangkap pantun seperti di bawah ini:

#### **SAMBUTAN HARI RAYA**

Burung terbang di angkasa,  
Hinggap sebentar di tepi paya;  
Cukuplah sudah sebulan berpuasa,  
Gembira menyambut hari raya.

Pergi ke sungai memancing ikan,  
Dibawa pulang ikan sembilang;  
Lontong, ketupat sedia dimakan,  
Enak dimakan bersama rendang.

Berbual-bual sambil berjalan,  
Sambil berjalan berangan-angan;  
Mengundang jiran, rakan dan taulan,  
Ketupat dan kuih jadi hidangan.

(CPDD,2008d, hal. 56)

### **PANTUN TEKA TEKI**

Lampu terang di waktu malam,  
Manis pedas menjadi hidangan;  
Kunjung-mengunjung memberikan salam,  
Sampul hijau menjadi kesukaan.

(CPDD, 2008c, hal. 60)

### **BUDAYA MAKAN DENGAN TANGAN KANAN**

Di samping pelbagai maklumat tentang jenis-jenis makanan tradisional Melayu, seperti yang dibicarakan dalam perbincangan tentang kebiasaan berkongsi juadah dan juga sewaktu perayaan, terdapat juga maklumat tentang cara makan yang santun serta mementingkan aspek kebersihan seperti yang terkandung dalam adab masyarakat Melayu. Biasanya dalam budaya Melayu, sebuah mangkuk kecil yang setengah mangkuk itu diisi dengan air digunakan untuk tetamu mencuci tangan atau tempat cuci tangan yang khas berupa cerek dan bekas untuk menampung air bilasan tangan di sediakan untuk tetamu mencuci tangan. Ini terpapar dalam buku teks 2B, dengan petikan: "Tolong bawakan tempat mencuci tangan ini ke sana" (CPDD, 2008b, hal. 35). Ini melambangkan budaya Melayu yang makan dengan menggunakan tangan dan tangan dicuci sebelum makan. Pada halaman 36 pula, terdapat huraian: "Suria melihat tangan kanan dibasuh dahulu dan lauk pauk yang terdekat yang diambil dahulu." Informasi ini secara tidak langsung menyemaikan adab makan yang sopan dan kepentingan menjaga kebersihan dalam masyarakat Melayu.

### **ADAB MENJAGA KEBERSIHAN**

Selain mencuci tangan sebelum makan, pemerhatian yang teliti terhadap bahan-bahan yang dikaji juga memaparkan bahawa cara penjagaan kebersihan ini diberi keutamaan dalam budaya Melayu. Contoh keutamaan terhadap penjagaan kebersihan ini juga dapat dilihat dalam pantun berikut:

Mencari cendawan ke Batu Pahat  
Membeli raga di gerai Pak Johan;  
Mari kawan dengarlah nasihat,  
Cara-cara menjaga kebersihan.

Biji berangan biji selasih,  
Bawa ke Kedah dijual di pekan;  
Cucilah tangan sehingga bersih,  
Sebelum dan sesudah makan.

Pokok selasih si perigi Hang Tuah,  
Rumpai di kolam dimakan ikan;  
Dicuci bersih sayur dan buah,  
Hilangkan kotoran sebelum dimakan

Letak pasu di atas para,  
Letak sabut di hujung jemuran;  
Ketika masak bersih sentiasa,  
Ikatlah rambut jangan berguguran.

(CPDD, 2008d, hal. 86)

### **ADAB MENUNJUK SESUATU**

Satu lagi adab orang Melayu yang terpapar dalam buku teks ialah cara seseorang itu menunjuk pada sesuatu. Penggunaan jari telunjuk dianggap kurang sopan, sebaliknya jari ibu yang digunakan. Hal ini terpapar dalam buku darjah Mekar 2B, melalui petikan berikut:

“Para tetamu tidak menggunakan jari telunjuk untuk menunjuk pada sesuatu yang jauh. Mereka menggunakan ibu jari untuk menunjuk.” (CPDD, 2008d, hal. 36)

## PENGGUNAAN PANTUN DALAM MENYEMAI NILAI

Satu perkara menarik yang menyerlah dalam bahan-bahan pengajaran yang dikaji ini adalah banyak aspek nilai dan budaya diajarkan melalui bahasa yang berirama. Pantun dua kerat dan empat kerat banyak sekali terangkum dalam bahan-bahan pengajaran ini dengan mesej-mesej khusus kepada para pelajar. Contohnya:

Kecil molek si burung Merpati,  
Tidaklah sama dengan si angsa;  
Datuk dan nenek harus dihormati,  
Kelak bahagia sepanjang masa.

Penggunaan pantun yang banyak dalam buku teks darjah 1 dan 2 memberi gambaran bahawa nilai-nilai murni dikaitkan dengan pantun. Dapat dirumuskan bahawa satu fenomena unik yang paling menyerlah dalam bahan-bahan yang dikaji adalah mesej tentang nilai murni ini disampaikan dalam bahasa yang indah. Melalui penggunaan pantun ini, kemahiran-kemahiran bahasa seperti membaca dan mendengar penggunaan intonasi yang baik, pemerolehan kosa kata yang luas di samping menyemai budaya dan adat Melayu secara eksplisit dan implisit. Wujud banyak pantun lain dalam karya yang dikaji namun tiada sebarang huraian khusus tentang pantun-pantun tersebut. Pantun-pantun lain yang terangkum dalam buku-buku teks yang dikaji boleh dilihat pada bahagian akhir kertas ini. Maka di sini dapat dilihat bagaimana guru seharusnya memainkan peranan untuk menghuraikan ciri-ciri keindahan bahasa kepada para pelajar.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Jelas dapat dilihat melalui kajian dokumen bahawa dalam setiap bab atau unit pelajaran dalam bahan pengajaran bagi kedua-dua tahap, terdapat aspek-aspek penyemaian nilai moral dan budaya yang dirangkumkan sama ada secara eksplisit atau implisit, seperti melalui penggunaan gambar-gambar, cerita, dialog dan juga pantun. Apa yang menarik di sini adalah pelbagai nilai murni seperti sikap bekerja-keras, rajin dan baik hati digambarkan sebagai sebahagian daripada jiwa orang-orang Melayu. Ini dipaparkan dengan menggabungkan elemen-elemen utama seperti pakaian tradisional dan makanan dengan adab, seperti yang dibincangkan di atas. Semua ini disilangrujuk dengan huraian-huraian nilai murni dengan watak-watak dalam buku-buku teks yang dikaji. Ini dapat dilihat sebagai usaha mengamalkan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam polisi di samping mengekalkan BM sebagai sebahagian daripada warisan dan suntikan moral untuk para pelajar dalam sekitaran moden.

Namun begitu, sejauh manakah integrasi nilai, budaya dan bahasa ini diimplimentasikan dengan sepenuhnya dalam konteks pengajaran BM? Persoalan ini timbul kerana melalui pemerhatian dalam bilik darjah yang dijalankan, dengan mengambil kira bukan sahaja cara bahan-bahan pengajaran digunakan tetapi bukti-bukti lain yang muncul daripada pengajaran dalam bilik darjah yang ada hubung kait dengan nilai dan budaya Melayu; jelas bahawa huraian atau perbincangan lanjut tidak berlaku dalam pengajaran.

Selanjutnya, kajian ini meninjau usaha guru dan bentuk mesej-mesej yang berhubung kait dengan nilai dan budaya Melayu yang telah dirangkumkan dengan cara yang menarik dan kreatif dalam buku-buku teks itu diimplimentasikan dalam pengajaran secara realitinya. Perbincangan dalam bahagian ini memberi fokus kepada elemen-elemen tersebut yang secara nyata berlaku dalam pengajaran yang dipantau.

Dapatan yang menarik daripada transkrip rakaman video bagi pemantauan pengajaran membuktikan aspek nilai dan budaya ini agak kurang sekali dirangkumkan dalam pengajaran sebenar, berbanding dengan dapatan daripada kajian dokumen. Secara umum, dapat dikatakan bahawa aspek nilai dan budaya disentuh secara ringkas sekali, biasanya kurang daripada 30 saat.

Persoalan mengenai tahap kejayaan penerapan nilai dan budaya dalam jiwa para pelajar darjah satu dan dua telah cuba dijawab melalui pemantauan pengajaran yang dijalankan. Dapatan pemantauan pengajaran yang dipaparkan di bawah ini, di mana jangka waktu perbincangan rakaman mengenai unsur nilai dan budaya juga diambil kira, nampaknya elemen-elemen tersebut tidak diberikan penjelasan yang wajar dan jika ada sekalipun, hanya secara ringkas sekali.

Walaupun pelbagai unsur nilai dan budaya yang telah dikenal pasti dalam sukatan pelajaran seperti yang dibincangkan di atas, namun nampaknya hanya sepuluh aspek sahaja yang dapat dilihat dalam pengajaran di bilik darjah. Di samping itu, kesemua sepuluh kes yang dapat dikesan dalam pengajaran itu, waktu yang digunakan bagi membincangkannya sangat singkat, dan dalam kebanyakan kes, kurang daripada 30 saat. Perbincangan guru lebih tertumpu kepada kosa kata dan menyentuh aspek jenis permainan atau aktiviti dengan huraian yang ringkas.

Daripada 16 pengajaran yang dipantau, kecilnya jumlah perbincangan atau rujukan terhadap nilai dan budaya dalam bilik darjah amat menyerlah dan berkontras dengan pengenalan unsur-unsur ini dalam buku-buku teks, secara implisit dan eksplisit. Satu huraian yang ringkas tentang keadaan yang sebenarnya berlaku dalam bilik darjah sewaktu pengajaran yang menyentuh aspek nilai dan budaya telah dicungkil dan dipaparkan dalam Jadual 1, yang menunjukkan jenis dan cara informasi tersebut dikongsikan.

**Jadual 1.** Perbincangan / Pengajaran yang ada hubung kait dengan Nilai dan Budaya (Darjah 1 dan 2)

Cth	Tahap	Waktu Video	Huraian
1.	D2	00:05:34 to 00:05:38 <b>(4 saat)</b>	Guru memperkenalkan kosa kata baru daripada buku yang dibaca. Perbincangan kosa kata dijalankan melalui permainan 'pass the parcel' dan lagu yang dimainkan adalah lagu hari raya. Apabila kanak-kanak girang mendengar lagu tersebut, guru hanya memberikan komen bahawa "Hari Raya akan disambut dalam masa 2 minggu." Tidak ada huraian atau perbincangan lanjut tentang hari raya.
2.	D2	00:12:22 to 00:12:30 <b>(8 saat)</b>	Pengajaran ini adalah mengenai majlis harijadi dan kebiasaan berkongsi rezeki seperti memberi hadiah. Walaupun pemberian sebegini adalah sesuatu yang lazim dalam budaya lain juga, namun apabila pelajar bertanya tentang imej kanak-kanak memberikan makanan kepada jiran, jawapan guru amat ringkas. Guru setakat bertanyakan soalan "Ah, jiran kita. Jadi kita harus menghantar lauk ke?" Para pelajar memberikan jawapan positif dan guru terus beralih kepada bahagian lain tanpa perbincangan lanjut.
3	D2	00:23:03 to 00:23:37 <b>(34 saat)</b>	Guru membaca teks "Wah! Nenek bawa pulut kuning." Guru setakat meminta para pelajar mencari gambar pulut kuning dalam buku cerita yang bertajuk "Mana Kek Min?" Tidak ada huraian lanjut mengenai pulut kuning, sejenis makanan tradisional Melayu.
5	D2	<b>00:13:00 to 00:13:07 (7 saat)</b>	Terdapat gambar orang sedang bersilat dalam buku teks. Guru menerangkan bahawa silat adalah satu seni pertahankan diri apabila menerangkan aksi seorang wirawati dalam buku teks. Tidak ada perbincangan lanjut.
6	D1	<b>00:25:56 to 00:26:20 (24 saat)</b>	Congkak – permainan tradisional Melayu. Terdapat kanak-kanak yang berkata di rumahnya ada congkak. Guru setakat menjawab bahawa beliau tidak tahu bermain congkak. Tiada perbincangan lanjut.
7.	D1	<b>00:26:29 to 00:26:50 (21 saat)</b>	Gasing – permainan tradisional Melayu, dan guru setakat menjelaskan bahawa dalam bahasa Inggeris, gasing disebut sebagai 'top'
8.	D1	<b>00:26:59 to 00:27:19 (20 saat)</b>	Batu seremban – Satu lagi contoh permainan tradisional Melayu, namun tiada huraian tentang cara permainannya. Guru hanya menerangkan bahawa batu seremban adalah salah satu permainan tradisional.

*bersambung*

9.	D2	<b>00:16:25</b> <b>to</b> <b>00:16:46</b> <b>(21</b> <b>saat)</b>	Pengajaran tentang pemakanan sihat, antaranya terdapat gambar kurma. Guru menerangkan kebiasaan memakan kurma sewaktu bulan puasa. Tidak ada perbincangan lanjut.
10.	19	<b>00:31:25</b> <b>to</b> <b>00:31:29</b> <b>(4 saat)</b>	Guru menggunakan ayat "Dia baca seperti menari zapin." Namun begitu, tiada huraian tentang tarian zapin.

---

Data dalam Jadual 1 yang diperolehi melalui pemerhatian, rakaman video dan audio, serta transkripsi perbualan guru, jelas menunjukkan bahawa secara realitinya, sedikit sekali perbincangan mengenai hal yang berhubung kait dengan budaya dan nilai yang dibincangkan dalam bilik darjah. Rata-rata pengajaran guru lebih fokus kepada aspek tatabahasa serta empat kemahiran bahasa yang utama. Para guru juga didapati tidak mengambil peluang-peluang yang wujud untuk menyemai nilai-nilai tersebut dalam diri pelajar. Secara keseluruhan, jelas dapat dilihat bahawa pengajaran yang telah dirakam didapati tidak banyak merangkumkan unsur nilai dan budaya seperti yang telah dirangkumkan dalam buku teks. Hanya beberapa ketika sahaja topik mengenai nilai dan budaya ini disentuh dalam pengajaran BM.

## RUMUSAN

Hasil kajian ini jelas memaparkan inisiatif pihak penggubal polisi, Kementerian Pendidikan dalam konteks ini, menghadapi hambatan-hambatan di peringkat implementasi. Para guru yang terlatih mempunyai pelbagai sebab musabab untuk lebih fokus kepada aspek kebahasaan sepenuhnya. Para guru lebih condong ke arah menghasilkan dokumen-dokumen hasil kerja pelajar yang bertulis serta menumpukan kepada aspek pencapaian kemahiran bahasa yang lebih baik berbanding dengan menyemai nilai dan budaya dalam diri pelajar. Hal ini wajar ditangani agar para guru menyedari perlunya implikasi pedagogi dalam penyemaian nilai dan budaya. Namun begitu, dari segi tradisi keindahan BM, jelas rangkuman rangkap-rangkap pantun bagi menyampaikan pelbagai mesej itu agak kerap digunakan oleh para guru. Bahasa yang berima ini dicipta secara kreatif bagi meningkatkan minat para pelajar mempelajari BM. Secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa matlamat dasar pendidikan yang sebenar bagi aspek penyemaian nilai dan budaya ini perlu diberi perhatian yang serius agar usaha menghasilkan bahan yang menarik dan tinggi mutunya itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Tahap kejayaan dalam penyemaian nilai dan budaya, yang kelihatan belum lagi mencapai peringkat seperti yang dihasratkan ini perlu diselami dengan lebih mendalam lagi, bagi meneroka sebab-sebab sebenar para guru tidak meluangkan masa yang lebih panjang lagi. Latihan guru yang lebih berfokus bagi menyemai nilai dan budaya dalam pengajaran harus dipertimbangkan dengan lebih serius. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kajian ini mengambil kira pengajaran yang berlaku di sepuluh buah sekolah sahaja bagi 16 pengajaran bahasa Melayu. Kajian lanjutan bagi merangkumkan lebih banyak sekolah harus dijalankan bagi memperolehi data yang lebih besar dalam menangani isu ini.

## PENGHARGAAN DAN PEMBIAYAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Centre for Research in Pedagogy and Practice (CRPP), Institut Pendidikan Nasional, Singapura atas sokongan geran penyelidikan yang telah diberikan bagi menayakan kajian ini.

## KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data kajian ini boleh diperolehi daripada penulis atas permintaan.

## PERISYTIHARAN PENGGUNAAN AI GENERATIF

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada penggunaan AI generatif dalam penulisan manuskrip ini.

## PERNYATAAN ETIKA

Kelulusan etika bagi kajian ini (OER 47/08 MS) telah diperolehi daripada Lembaga Kajian Institusi (Institutional Review Board, IRB) Universiti Teknologi Nanyang. Semua prosedur pengumpulan data

telah dijalankan selaras dengan garis panduan etika yang diluluskan serta peraturan institusi yang berkaitan. Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua peserta sebelum penyertaan mereka dalam kajian ini. Kelulusan etika boleh dirujuk melalui pautan ini: <http://hdl.handle.net/10497/3725>.

## RUJUKAN

- Abbaspour, E., Nia, M. R., & Zare', J. (2012). How to integrate culture in second language education? *Journal of Education and Practice*, 3(10), 20–24.
- Abdullah, R. (1996, May 20–24). *The inculcation of values in bilingual education*. Paper presented at the International Conference of Malay Studies, Beijing, China.
- Abdullah, R. (2008). Kepelbagaian bahasa dalam komunikasi di kalangan masyarakat Melayu di Singapura. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 69–86.
- Abdullah, R. (2010, July). *Curriculum implementation of mother tongue policies in Singapore*. Paper presented at the 17th International Conference on Learning, Hong Kong Institute of Education.
- Abdullah, R. (2011). *Lower primary Malay lessons* (CIEPSS Final Report, Supplement 3). Centre for Research in Pedagogy and Practice, National Institute of Education. <http://repository.nie.edu.sg/jspui/index.jsp>
- Alisjahbana, S. T. (1966). *Values as integrating forces in personality, society and culture: Essays of a new anthropology*. University of Malaya Press.
- Chua, B. H., & Kuo, C. Y. (1995). The making of a new nation: Cultural construction and national identity. In B. H. Chua (Ed.), *Communitarian ideology and democracy in Singapore* (pp. 101–123). Routledge.
- Heng, S. K. (2011, September 1). *Speech by Mr Heng Swee Keat, Minister for Education, at the opening ceremony of the MOE Heritage Centre*. Ministry of Education. <http://www.moe.gov.sg/media/speeches/2011/09/01/speech-by-mr-heng-swee-keat-at-8.php>
- Kramsch, C. (1993). *Context and culture in language teaching*. Oxford University Press.
- Curriculum Planning and Development Division. (2005). *Laporan semakan kurikulum dan pedagogi Bahasa Melayu*. Marshall Cavendish Education.
- Curriculum Planning and Development Division. (2008a). *Mekar buku teks 1A*. Marshall Cavendish Education.
- Curriculum Planning and Development Division. (2008b). *Mekar buku teks 1B*. Marshall Cavendish Education.
- Curriculum Planning and Development Division. (2008c). *Mekar buku teks 2A*. Marshall Cavendish Education.
- Curriculum Planning and Development Division. (2008d). *Mekar buku teks 2B*. Marshall Cavendish Education.
- Ministry of Education. (2005). *Report of the Malay Language Curriculum and Pedagogy Review Committee (MLCPRC)*. Ministry of Education.
- Ministry of Education. (2007). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah 2008*. Ministry of Education. <http://www.moe.gov.sg/education/syllabuses.mother-tongue-languages/files/malay-primary-2008.pdf>
- Ministry of Education. (n.d.-a). *More responsive and engaging mother tongue language curriculum (for Chinese, Malay, Tamil)*. <http://www.moe.gov.sg/education/primary/changes/#cl-curriculum>
- Ministry of Education. (n.d.-b). *Teach less, learn more*. <http://www3.moe.edu.sg/bluesky/tllm.htm>
- Neuendorf, K. A. (2002). *The content analysis guidebook*. Sage.
- Saldana, J. (2009). *The coding manual for qualitative researchers*. Sage.
- Samsuri, R., & Hamzah, N. (2024). Analisis nilai budaya dalam cerpen Air Mata Dalang berdasarkan teori budaya. *Pendeta*, 15(2), 119–129. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.9.2024>
- Silver, R. E., Pak, S., & Kogut, G. (2010). *Curriculum implementation in early primary schooling in Singapore (CIEPSS): Coding scheme manual*. National Institute of Education.
- Tajudin, J. (2004). *Perancangan bahasa di Singapura: Pengekalan dan anjakan bahasa Melayu sejak 1965* (Master's thesis, National Institute of Education, Nanyang Technological University).
- Wei, L. (2018). Translanguaging as a practical theory of language. *Applied Linguistics*, 39(1), 9–30. <https://doi.org/10.1093/applin/amx039>
- Zuhana Amatol Akrama, Z. H., & Abu Bakar, S. S. (2013). Penerapan nilai murni dalam iklan televisyen. *Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*, 4(1), 180–201.